

UTUSAN MALAYSIA

14 Julai 2018

Beri implikasi besar terhadap sistem pendidikan

RAIS PERSOAL UEC

➤ Kerajaan Pakatan Harapan tidak sepatutnya iktiraf UEC semata-mata kerana ingin menunaikan janji dalam manifesto PRU-14.

➤ Tokoh Sosiobudaya, Tan Sri Dr. Rais Yatim berkata, pelaksanaannya beri implikasi besar, perlu diperhalusi, dibahas di Parlimen terlebih dahulu.

➤ Turut persoal peranan kerajaan sebagai pembuat dasar apabila mahu laksana sistem dibuat oleh NGO.

➤ Pelbagai pihak turut bantah UEC yang disifatkan melanggar Perlembagaan Persekutuan selain menjejaskan perpaduan kaum.

BERITA DI MUKA 9



Kita tidak boleh buat keputusan semata-mata kerana ia janji politik atau tidak mahu dianggap membuat pusingan U. Ini bukan cara menjawab rungutan rakyat. Orang Melayu adalah majoriti, jadi suara orang Melayu bagaimana?"

